



**MENTERI SUMBER MANUSIA
KENYATAAN MEDIA**

**KERJASAMA MALAYSIA – UNITED KINGDOM DALAM MENANGANI
BURUH PAKSA**

1. TYT Andrew Patrick, Perutusan Khas Kerajaan United Kingdom (UK) mengenai Migrasi dan Perhambaan Moden telah mengadakan lawatan kerja ke Malaysia pada 23 - 25 Februari 2023. Lawatan ini bertujuan untuk mengadakan perbincangan lanjut mengenai kerjasama yang boleh dipelopori diantara Malaysia dan UK dalam menangani isu pemerdagangan orang dan buruh paksa.
2. Saya dimaklumkan bahawa UK telah bersetuju untuk menawarkan peluang latihan dan bina upaya kepada pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia termasuk Sabah serta Sarawak dan juga kepada agensi penguatkuasaan yang lain. Satu lawatan susulan oleh pihak UK telah dijadualkan pada bulan Mac kelak.
3. TYT Andrew Patrick juga telah menasihati industri sarung tangan getah tempatan untuk memantau amalan buruh paksa seperti elemen perhambaan hutang dalam rangkaian perniagaan mereka susulan majikan atau khususnya pekerja asing dikenakan caj kos tersembunyi semasa proses pengambilan pekerja.

4. Dalam hal ini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) bersetuju dengan pandangan beliau dan akan mengambil langkah segera untuk menggunakan teknologi *Blockchain*. Teknologi ini amat kritikal bagi tujuan pemantauan ketelusan proses pengambilan pekerja asing supaya ianya bebas dari elemen-elemen yang berkait rapat dengan perlakuan buruh paksa. Ini juga adalah selaras dengan kehendak Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yg telah menyenarai 11 indikator buruh paksa termasuk elemen perhambaan hutang.

YB TUAN V. SIVAKUMAR
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
27 FEBRUARI 2023